

03 AUG 2002

LID-KYRGYZ/I

KYRGYZ, MUKA BARU LID ANGGAPNYA FORUM BERGUNA UNTUK NEGARA MEMBANGUN

Oleh: Ahmad Zukiman Zain

LANGKAWI, 3 Ogos (Bernama) -- Republik Kyrgyz, muka baru pada Dialog Antarabangsa Perkongsian Pintar, menyamakan Dialog Antarabangsa Langkawi (LID) seperti Forum Ekonomi Dunia di Davos kerana memberi peluang negara-negara membangun membincangkan isu-isu ekonomi.

Presiden Kyrgyz Askar Akayev berkata banyak isu yang dibincangkan di sini berkaitan dengan negara yang baru mencapai kemerdekaan yang kini dalam peringkat peralihan pembangunan mereka.

Sambil mengambil contohnya negaranya, beliau berkata sokongan daripada masyarakat antarabangsa telah membolehkan Republik Soviet melaksanakan program ekonomi berskala besar.

Bercakap pada sesi penutup LID yang berlangsung selama tiga hari di sini, beliau mengakui sumbangan Malaysia dalam membantu negaranya menjalankan program pembangunan.

Beliau berkata semasa lawatan rasminya yang pertama ke Malaysia pada 1995, beliau amat kagum dengan kejayaan ekonomi negara.

"Saya meminta (Perdana Menteri Datuk Seri) Dr Mahathir (Mohamad) supaya membantu republik Kyrgyz dengan kajian ekonomi," katanya.

Beliau berkata apabila Dr Mahathir melawat Bishkek dua tahun kemudiannya, beliau menyerahkan program pembangunan jangka panjang, dibangunkan di bawah kepimpinan beliau dan oleh pakar-pakar Malaysia.

"Di Kyrgyz pelan itu kini dikenali sebagai pelan Dr Mahathir Mohamad," kata Akayev, yang menghadiri dialog berkenaan untuk pertama kali.

Beliau berkata pelan berkenaan menjadi asas kepada kerangka kerja pembangunan komprehensif ekonomi jangka panjang 2010 yang diguna pakai oleh negara Asia tengah sebagai strategi nasional untuk pembangunan ekonomi.

Beliau berkata program itu telah disokong oleh Bank Pembangunan Asia, Bank Pembangunan Islam dan penyumbang yang lain.

"Malah Presiden Bank Dunia John Wolfensohn juga telah mengakui bahawa program ini merupakan strategi terbaik untuk pembangunan ekonomi bagi negara-negara membangun," kata beliau.

Beliau berkata Dr Mahathir menyampaikan kajian ekonomi kedua kepada Kyrgyz yang penting dalam memperbaiki strateginya bagi membawa lebih banyak pelaburan asing.

"Saya percaya kedua-dua kajian ekonomi mengenai pembangunan ekonomi Kyrgyz dalam membawa pelaburan langsung asing sebagai contoh terbaik perkongsian pintar," katanya.

Beliau juga bersetuju dengan kebimbangan Dr Mahathir mengenai keganasan ekonomi dengan berkata negara-negara yang baru mencapai kemerdekaan dan membangun boleh menjadi mangsa kepada keganasan ekonomi jika mereka tidak bergabung dan melindungi kepentingan mereka bersama.

-- Bernama

AZZ SHY SD NHD